



REAKSI

Pendidikan



“Kementerian Pelajaran perlu merangka bentuk latihan perguruan komprehensif kerana kelompok murid lemah memerlukan kaedah pengajaran dan pembelajaran lebih khusus”

Tan Sri Dr Abdul Rahman Arshad  
Tokoh akademik



# NKRA basmi miskin tegar 2010, tingkat taraf hidup

B/11 24/10/2009

## Kerajaan sedia peluang latihan kemahiran, jana pendapatan

**K**UALA LUMPUR: Bagi menangani kos sara hidup yang semakin membebankan terutama krisis ekonomi, kerajaan akan melaksanakan bidang keberhasilan utama negara (NKRA) untuk membasmi kemiskinan tegar pada 2010 serta meningkatkan pendapatan dan taraf hidup rakyat.

ia termasuk - membantu hampir 50,000 isi rumah miskin tegar berdaftar menerusi program e-Kasih dan 4,000 isi rumah Orang Asli yang dikenal pasti.

● Mengagihkan bantuan kebajikan Persekutuan pada hari pertama setiap bulan. Bagi negeri di Semenanjung, ia bermula pada 1 September 2009 dan Sabah serta Sarawak bermula pada 1 Januari 2010;

● Meneruskan Skim Program Lonjakan Mega dengan peruntukan RM141 juta di Batang Sadung dan Batang Lupar, Sarawak; di Pulau Bagan, Sabah dan di Ter...



KELUARGA miskin seperti di Pitas, Sabah bakal mendapat faedah daripada program basmi kemiskinan tegar pada Bajet 2010 yang dibentangkan Perdana Menteri, semalam.

REAKSI

Ucapan PM

“Satu bajet berhemat, yang mencapai dua tujuan iaitu untuk pastikan kita terus merencanakan ekonomi untuk pastikan kita mencapai pertumbuhan yang tinggi, pada masa sama tidak melupakan golongan yang memerlukan bantuan seperti pesara”

Tan Sri Nor Mohamed Yakcop  
Menteri di Jabatan Perdana Menteri

“Bajet ini adalah untuk kemakmuran bersama dengan semangat 1Malaysia dengan peruntukan yang menyeluruh demi lebih...”

GAMBAR: HUSNAN



“Penyelarasan kemudahan dan kurikulum prasekolah dengan dasar dan piawaian Kementerian. Pelajaran diyakini mampu wujudkan keseragaman pelaksanaan pendidikan prasekolah”

**Prof Datuk Dr Isahak Harun**  
Tokoh pendidik

“Diskaun separuh harga bagi tiket kereta api kepada pelajar IPT balik kampung bukti kerajaan dengar suara pelajar”

**Mohd Syamsul Salleh**  
Pengerusi Sekretariat Yang Dipertua dan Presiden Majlis Perwakilan Pelajar Kebangsaan

Bangi, Sabah dan di Tanjung Gahai serta Chemomoi, Pahang. Program ini dapat mengeluarkan 5,600 keluarga daripada kemiskinan tegar.

● Memperuntukkan RM180 juta bagi melaksanakan program membantu golongan miskin dan mudah terjejas.

Bagi maksud ini, kerajaan mahu mengurangkan kadar kemiskinan kepada 2.8 per-

atus pada tahun 2010 berbanding 3.6 peratus pada tahun 2007.

● Meneruskan Program Pembasmian Kemiskinan dan Skim Pembangunan Kesejahteraan Rakyat (SPKR) meliputi lima program iaitu:

1. Program Peningkatan Pendapatan
2. Program Latihan Kemahiran dan Kerjaya

**FAKTA NOMBOR**

**50,000**  
**isi rumah**

Miskin tegar berdaftar di bawah program e-Kasih dibantu

3. Program Kecemerlangan Pendidikan

4. Program Bantuan Rumah

5. Program Pembangunan Masyarakat Setempat.

● Menyediakan program latihan kemahiran dan usahawan kepada lebih 3,000 wanita yang akan dikendalikan Jabatan Pembangunan Wanita dan Amanah Ikhtiar Malaysia.

*kesejahteraan rakyat, ia bajet untuk menjuarai kehidupan dan membela nasib rakyat”*

**Datuk Ahmad Maslan**

Ketua Penerangan Umno yang juga Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri

# RM2.3 bilion majukan luar bandar

**S**EBANYAK RM2.3 bilion diperuntukkan dengan penyediaan lebih banyak kemudahan mencukupi dan berkualiti untuk kemajuan lebih seimbang bandar dengan luar bandar, termasuk membina dan menaik taraf infrastruktur pada tahun depan.

Ia membabitkan pembinaan jalan luar bandar dan jalan kampung masing-masing sepanjang 510 kilometer serta 316 kilometer dengan peruntukan sebanyak RM857 juta.

Antara jalan yang akan dibina ialah di Kapit, Lawas dan Simunjan, Sarawak serta Kinabatangan, Kota Belud

dan Keningau, Sabah.

Langkah lain ialah:

● Mengutamakan penggunaan *soil stabiliser* bagi pembinaan jalan luar bandar kerana kos pembinaan dan penyelenggaraan yang lebih rendah.

● Menyediakan bekalan air kepada 16,000 rumah dengan peruntukan RM530 juta, manakala sebanyak RM825 juta bagi membekal elektrik kepada 30,000 rumah.

● Menyediakan RM88 juta untuk melaksanakan 5,356 projek ameniti sosial seperti klinik desa, balai raya dan kawasan riadah awam.

**INFO**

**Bantuan Orang Asli**

- RM41 juta disediakan bagi tingkat pendapatan dan kualiti hidup masyarakat Orang Asli.
- 4,000 Orang Asli dikenal pasti untuk dibantu bagi capai matlamat sifar kemiskinan tegar.
- Bina 55 perkampungan Orang Asli.
- Memberi input pertanian kepada 800 petani dan nelayan.
- Menyediakan peralatan perniagaan kepada 100 usahawan.

**Perniagaan Luar Bandar**

- Bagi tingkat pendapatan rakyat luar bandar, kerajaan akan menyediakan peluang memulakan perniagaan dengan menyediakan lebih banyak premis perniagaan di lokasi strategik.
- Sebagai permulaan, RM30 juta diperuntukkan kepada UDA Holdings Berhad bagi membina 300 unit kedai desa di seluruh negara.
- Program ini tambahan kepada pelbagai program yang sudah dijalankan oleh agensi Kerajaan yang lain.

“Bajet 2010 sebagai belanjawan seimbang, menitikberatkan ekonomi sebenar dan perlu ada mekanisme jelas dan ‘peluang kedua’ untuk usahawan memanfaatkan dana termasuk dana PKS dan Tekun”

**Datuk Sohaimi Shahanad**

Exco Pemuda Umno yang juga Pengerusi Biro Ekonomi dan Pembangunan Usahawan Pemuda Umno